

BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini merumuskan hasil kajian yang diperolehi dan dianalisis di sepanjang penyelidikan yang telah dijalankan. Penulis membahagikan bab ini kepada 3 bahagian utama iaitu kesimpulan, cadangan dan penutup. Di dalam bahagian kesimpulan penulis membuat rumusan hasil kajian yang diperolehi. Cadangan yang diperolehi dikemukakan dalam bahagian cadangan untuk tindakan pihak tertentu. Pada bahagian penutup pula, penulis cuba merumuskan keseluruhan kajian kepada satu dapatan membina.

5.1 Kesimpulan

Antara kesimpulan yang dapat dirumuskan dalam kajian ini ialah :

5.1.1 Bahagian Guru

Pada bahagian guru didapati majoriti guru menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana pendidikan bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata. Antara pendekatan tersebut ialah:

- a) Pemilihan Perkataan
- b) Menterjemah Perkataan
- c) Penerangan Makna Perkataan
- d) Pengukuhan Perkataan
- e) Penggunaan Perkataan

Dalam pendekatan pemilihan perkataan, peratus jawapan tertinggi ialah skala amat berkaitan dengan saya, iaitu memberi penekanan kepada perkataan yang selalu berulang.

Dalam pendekatan menterjemah perkataan, peratus jawapan tertinggi ialah skala amat berkaitan dengan saya, iaitu majoriti guru-guru menterjemah perkataan ke dalam bahasa Melayu dan meminta pelajar menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu.

Dalam pendekatan penerangan makna perkataan pula, terdapat satu jawapan tertinggi skala amat berkaitan dengan saya, iaitu majoriti guru-guru meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna kesemua perkataan.

Bagi pendekatan pengukuhan perkataan, terdapat satu soalan yang mendapat peratus jawapan tertinggi skala berkaitan dengan saya, iaitu majoriti guru-guru mengulang kaji perkataan baru sebelumnya pada setiap periode bermula.

Bagi pendekatan penggunaan perkataan pula, terdapat satu soalan yang mendapat peratus jawapan tertinggi skala berkaitan dengan saya, iaitu guru sentiasa menggalakkan pelajar bertutur bahasa Arab.

Jadual 5.1 : Jadual Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Arab (Guru)

| BIL | PENDEKATAN | SKALA | PERATUS |
|------------|----------------------------|--------------|----------------|
| 1 | Pemilihan Perkataan | 5 | 71.4 |
| 2 | Menterjemah Perkataan | 5 | 85.7 |
| 3 | Penerangan Makna Perkataan | 5 | 42.9 |

| BIL | PENDEKATAN | SKALA | PERATUS |
|-----|----------------------|-------|---------|
| 4 | Pengukuhan Perkataan | 4 | 57.1 |
| 5 | Penggunaan Perkataan | 4 | 71.4 |

Dapatan yang diperolehi menunjukkan kajian ini telah menjawab persoalan kajian satu dan dua. Lima bahagian pendekatan tersebut telah digunakan oleh guru Bahasa Arab. Mereka memberi keutamaan kepada bahagian pendekatan menterjemah perkataan.

5.1.2 Bahagian Pelajar

Pada bahagian pelajar pula didapati majoriti mereka kurang menggunakan strategi yang dikemukakan untuk menguasai kosa kata. Nilai min keseluruhan bagi strategi memori, strategi kognitif dan strategi afektif masing-masing berada dalam lingkungan skala sedikit berkaitan dengan saya. Nilai min keseluruhan bagi strategi kompensasi, strategi metakognitif dan strategi sosial berkisar sekitar skala 3, iaitu tidak pasti.

Dapatan ini dapat menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu pelajar menggunakan strategi kompensasi dalam menguasai kosa kata Arab.

Jadual 5.2 : Jadual Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab (Pelajar)

| BIL | STRATEGI | MIN SKALA |
|-----|----------|-----------|
| 1 | Memori | 2.7917 |
| 2 | Kognitif | 2.7148 |

| BIL | STRATEGI | MIN SKALA |
|------------|-----------------|------------------|
| 3 | Kompensasi | 3.4667 |
| 4 | Metakognitif | 3.3551 |
| 5 | Afektif | 2.9644 |
| 6 | Sosial | 3.1644 |

Dalam bahagian pencapaian pelajar terhadap kosa kata yang diberi, didapati majoriti pelajar dapat menguasainya dengan baik. Dapatan ini menjawab kepada persoalan yang keempat tentang tahap penguasaan pelajar terhadap kosa kata.

Jadual 5.3 : Jadual Penguasaan Kosa Kata Arab (Pelajar)

| BIL | SKALA | PERATUS |
|------------|----------------------------|----------------|
| 1 | Terjemahan Tepat | 95.0 |
| 2 | Terjemahan Sederhana Tepat | 5.0 |
| 3 | Terjemahan Tidak Tepat | 0.0 |

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan bahawa objektif Kajian Pengajaran Kosa Kata Arab Di Peringkat Menengah Rendah ini mencapai matlamatnya, rumusannya seperti berikut:

- a) Mengetahui pasti pendekatan pengajaran kosa kata yang diamalkan oleh guru-guru Bahasa Arab di sekolah tersebut.
- b) Mengetahui keutamaan pendekatan pengajaran kosa kata yang diamalkan oleh guru-guru bahasa Arab tersebut.
- c) Mengetahui pasti strategi yang digunakan oleh pelajar dalam menguasai kosa kata Arab.
- d) Mengetahui pasti tahap pencapaian kosa kata pelajar tersebut
- e) Mengetahui pasti sama ada matlamat Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap penguasaan kosa kata Arab tercapai.

5.2 Cadangan

Untuk meningkatkan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah penguasaan kosa kata. Penguasaan ini boleh berlaku melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran yang dimaksudkan adalah melibatkan kaedah yang diguna pakai oleh guru manakala proses pembelajaran pula iaitu pendekatan strategi yang diguna pakai oleh pelajar dalam usaha menguasai kosa kata.

Memandangkan pendekatan pengajaran kosa kata yang diamalkan di SMKAKL menepati sasaran pengajaran kosa kata bagi peringkat Menengah Rendah, maka di sini penulis ingin mencadangkan pendekatan seperti itu dilaksanakan di sekolah-sekolah lain di Malaysia. Antara pendekatan yang dicadangkan adalah seperti berikut :

5.2.1 Proses Pengajaran (Guru)

a) Pemilihan Perkataan.

Dalam proses pemilihan perkataan, guru hendaklah :

- Memilih perkataan yang sesuai.
- Memilih perkataan yang selalu berulang
- Memilih perkataan yang mudah disebut.
- Memilih perkataan yang khusus dalam bidangnya.
- Memilih perkataan yang baru ditemui dalam setiap bacaan.

b) Menterjemah Perkataan.

Di dalam proses ini guru hendaklah menterjemah perkataan yang baru ditemui dan meminta pelajar menterjemahkannya melalui :

- Huraian dalam bahasa Arab.
- Memberi perkataan berlawanan.
- Memberi perkataan sama erti.
- Melakukan aksi.
- Membina ayat.
- Menggunakan gambar atau objek.
- Merujuk kamus.
- Menterjemah ke dalam bahasa ibunda.

c) Penerangan Makna Perkataan.

Dalam proses penerangan makna perkataan pula, guru dan pelajar digalakkan:

- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja.

- Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan yang baru ditemui sahaja.

d) Pengukuhan Perkataan.

Dalam proses pengukuhan penguasaan perkataan, guru dan pelajar digalakkan :

- Mengulang kaji perkataan baru sebelumnya pada setiap periode baru.
- Mengulang kaji beberapa perkataan sebelumnya pada setiap periode baru.
- Mengulang kaji kebanyakan perkataan sebelumnya pada setiap periode baru.

e) Penggunaan Perkataan.

Bagi menambahkan kemahiran penggunaan perkataan : -

- Guru dan pelajar hendaklah sentiasa memastikan :
 - Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya atau
 - Operasi kelas dijalankan dalam dwi bahasa
- Guru juga hendaklah mengurangkan percakapan berbanding pelajar di dalam kelas dan memberi ruang kepada pelajar untuk banyak bercakap.
- Guru dan pelajar hendaklah sentiasa berinteraksi di dalam kelas.
- Guru juga hendaklah sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar di dalam dan di luar kelas.
- Guru sentiasa menggalakkan pelajar bercakap bahasa Arab.
- Aktiviti di sekolah hendaklah dijalankan dalam bahasa Arab.

5.2.2 Strategi Pembelajaran (Pelajar)

Pelajar hendaklah mempunyai strategi pembelajaran tersendiri untuk menguasai kosa kata. Strategi tersebut boleh diambil daripada strategi pembelajaran bahasa Inggeris seperti di berikut :

5.2.2.1 Strategi Memori

- a) Memikirkan perhubungan antara perkataan yang telah diketahui dengan perkataan baru yang dipelajari dalam bahasa Arab.
- b) Menggunakan perkataan bahasa Arab yang baru dipelajari ke dalam ayat supaya perkataan tersebut dapat diingati.
- c) Mengaitkan perkataan bahasa Arab yang baru dipelajari dengan suatu gambaran atau imej ayat itu supaya dapat membantu mengingatnya.
- d) Mengingati sesuatu perkataan bahasa Arab yang baru dipelajari dengan membuat gambaran sesuatu keadaan di mana perkataan itu mungkin digunakan.
- e) Menggunakan irama atau rima bagi mengingati perkataan bahasa Arab yang baru dipelajari.
- f) Menggunakan kad imbasan bagi mengingati perkataan bahasa Arab yang baru.
- g) Menggayakan perkataan bahasa Arab yang baru dipelajari.

- h) Sering mengulang kaji pelajaran Bahasa Arab.
- i) Mengingat perkataan atau frasa bahasa Arab yang baru dengan mengingat lokasinya pada muka surat di dalam buku atau bahan bacaan lain.

5.2.2.2 Strategi Kognitif

- a) Menyebut atau menulis perkataan Arab yang baru dipelajari beberapa kali supaya dapat mengingatnya.
- b) Cuba bercakap seperti penutur asli bahasa Arab dengan mengambil kira perkataan yang betul.
- c) Berlatih menggunakan perkataan Arab .
- d) Menggunakan perkataan Arab yang sudah diketahui dalam pelbagai cara.
- e) Mulakan perbualan dalam bahasa Arab dengan menggunakan perkataan yang betul.
- f) Menonton siaran televisyen atau VCD dalam bahasa Arab bagi mendengar perkataan yang digunakan.
- g) Membaca bahan bahasa Arab sebagai riadah untuk membiasakan dengan

perkataan.

- h) Menulis catatan, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab untuk mempraktikkan perkataan.
- i) Mulakan dengan bacaan sekali imbas pada sesebuah petikan yang ringkas dalam bahasa Arab kemudian membacanya dengan teliti bagi tujuan memerhatikan perkataan.
- j) Mencari perkataan dalam bahasa ibunda yang sama maknanya dengan perkataan baru dalam bahasa Arab.
- k) Cuba mencari pola (bentuk) yang boleh digunakan sebagai contoh dalam bahasa Arab bagi membetulkan perkataan.
- l) Mencari makna sesuatu perkataan mengikut kaedah bahasa Arab dengan membahagikannya kepada bahagian yang boleh difahami.
- m) Cuba untuk tidak menterjemahkan setiap perkataan Arab kepada bahasa ibunda.
- n) Membuat catatan tentang perkataan yang didengar atau dibaca dalam bahasa Arab.

5.2.2.3 Strategi Kompensasi

- a) Memikirkan perhubungan di antara perkataan yang telah diketahui dengan perkataan baru dipelajari dalam bahasa Arab.
- b) Menggunakan perkataan Arab yang baru dipelajari ke dalam ayat supaya perkataan tersebut dapat diingati.
- c) Mengaitkan perkataan Arab yang baru dipelajari dengan suatu gambaran atau imej ayat itu supaya dapat membantu mengingatnya.
- d) Mengingati sesuatu perkataan Arab yang baru dipelajari dengan membuat gambaran sesuatu keadaan di mana perkataan itu mungkin digunakan.
- e) Menggunakan irama atau rima bagi mengingati perkataan Arab yang baru dipelajari.
- f) Menggunakan kad imbasan bagi mengingati perkataan Arab yang baru.
- g) Menggayakan perkataan Arab yang baru dipelajari.
- h) Sering mengulang kaji pelajaran Bahasa Arab.
- i) Mengingati perkataan atau frasa bahasa Arab yang baru dengan mengingati lokasinya pada muka surat di dalam buku atau bahan bacaan lain.

5.2.2.4 Strategi Metakognitif

- a) Cuba mencari seberapa banyak cara yang mungkin untuk mengaplikasikan perkataan.
- b) Mengesan kesilapan dalam penggunaan perkataan Arab dan menggunakan maklumat (kesilapan lepas) itu bagi memperbaiki lagi prestasi.
- c) Memberi perhatian apabila seseorang itu sedang bercakap dalam bahasa Arab bagi melihat perkataan yang digunakan.
- d) Mempelbagaikan cara untuk menjadi seorang pelajar bahasa Arab yang lebih baik.
- e) Merancang jadual supaya mempunyai masa yang mencukupi untuk mempelajari perkataan Arab.
- f) Mencari orang (kawan) yang boleh berbincang tentang perkataan.
- g) Mencari peluang untuk membaca sebanyak mungkin perkataan Arab.
- h) Mempunyai matlamat (sasaran) yang jelas bagi memperbaiki kemahiran perkataan Arab.
- i) Memikirkan kemajuan pembelajaran perkataan Arab.

5.2.2.5 Strategi Afektif

- a) Cuba menenangkan diri apabila berasa takut untuk menggunakan perkataan Arab yang betul.
- b) Menggalakkan diri untuk menggunakan perkataan Arab walaupun pada masa itu berasa takut terhadap kesilapan yang berlaku ketika berkomunikasi.
- c) Memberikan diri sesuatu ganjaran (hadiah) apabila memperolehi kemajuan di dalam mempraktikkan perkataan Arab.
- d) Sedar diri merasa gelisah dan takut ketika belajar atau menggunakan perkataan Arab.
- e) Menulis di dalam diari perasaan ketika belajar atau menggunakan perkataan Arab.
- f) Memberitahu orang lain mengenai perasaan ketika mempelajari perkataan Arab.

5.2.2.6 Strategi Sosial

- a) Meminta orang yang bercakap bahasa Arab supaya memperlahankan atau mengulangi apa yang diperkatakannya jika tidak memahami sesuatu perkataan dengan betul.
- b) Meminta penutur bahasa Arab supaya memperbetulkan perkataan Arab yang digunakan.
- c) Berlatih mempraktikkan perkataan dengan pelajar-pelajar lain.
- d) Meminta pertolongan daripada mereka yang memahami perkataan Arab.
- e) Bertanya soalan dalam bahasa Arab dengan menggunakan perkataan yang betul
- f) Cuba mempelajari budaya Arab untuk memahami perkataan Arab dengan baik.

5.3 Penutup

Pengajaran bahasa Arab telah bermula di alam Melayu sejak kedatangan Islam lagi dengan tujuan untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam. Pengajarannya lebih menumpukan kepada kefahaman Islam. Di peringkat sistem pondok, pengajiannya lebih memfokuskan kepada kebolehan memahami kitab-kitab pengajian Islam. Ianya berjaya mencapai matlamat dengan kemampuan pelajar-pelajarnya menguasai ilmu-ilmu Islam di samping berkemampuan membaca dan memahami kitab-kitab dengan baik.

Di peringkat sistem madrasah, pengajian bahasa Arab berkembang dengan dimasukkan pelbagai subjek Pengajian Islam dan Bahasa Arab sebagai subjek wajib pengajaran dan pembelajaran. Di peringkat ini, penguasaan bahasa dalam semua bidang menjadi sukar kepada pelajar terutamanya selepas dimasukkan subjek-subjek untuk peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Terdapat ramai dalam kalangan pelajar yang tidak mampu menguasai bahasa Arab dengan baik.

Di peringkat sekolah menengah kebangsaan agama pula, pengajarannya lebih menumpukan kepada unsur komunikasi. Pelajar digalakkan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Buku teks digubal khusus untuk panduan pelajar. Begitu juga guru-guru dilatih dengan kaedah pengajaran melalui kursus Diploma Pendidikan.

Hasil yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar dapat menguasai kosa kata yang dipelajari dengan baik. Dengan kesesuaian pendekatan yang diguna pakai oleh guru-guru diharapkan pengajaran bahasa Arab di peringkat ini dapat mencapai kejayaannya. Semoga kejayaan demi kejayaan akan dikecapi pada masa-masa akan datang dalam usaha membina modal insan yang berkemahiran lagi berkualiti.